

Cabutan Bertuah MyDigital ID:

‘Satu ID, Sejuta Peluang: Tahun Melawat Malaysia 2026’

TERMA DAN SYARAT

1. PENGANJUR

Cabutan bertuah ini dianjurkan oleh My Digital ID Sdn. Bhd. [1547903-K] (“MyDigital ID”).

2. KELAYAKAN

- 2.1. Terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
- 2.2. Peserta mesti mempunyai sijil Digital ID yang aktif pada waktu penyertaan.
- 2.3. Pekerja MyDigital ID, syarikat sekutu, anak syarikat, agensi pengiklanan, rakan niaga berkaitan serta ahli keluarga terdekat mereka tidak layak menyertai pertandingan ini.

3. TEMPOH PERADUAN

Peraduan berlangsung dari 28 Januari 2026, jam 9:00 malam hingga 1 April 2026, jam 11:59 malam. Penyertaan yang diterima selepas tempoh ini tidak akan dipertimbangkan.

4. CARA PENYERTAAN

- 4.1. Pastikan sijil Digital ID anda aktif.
- 4.2. Imbas kod QR rasmi peraduan.
- 4.3. Isi maklumat yang diperlukan dengan tepat.
- 4.4. Hantar penyertaan sebelum tarikh tutup bagi melayakkan diri untuk cabutan.

4.5. Hanya satu (1) penyertaan dibenarkan bagi setiap individu. Jika terdapat penyertaan berganda, hanya penyertaan pertama yang sah akan diterima dan selebihnya akan ditolak.

5. HADIAH

5.1. Klasifikasi hadiah adalah seperti berikut:

- Hadiah Tempat Pertama
- Hadiah Tempat Kedua
- Hadiah Tempat Ketiga

5.2. Semua perbelanjaan tambahan termasuk cukai, insurans, makanan tambahan selain yang disediakan, serta kos peribadi lain adalah tanggungjawab sepenuhnya pihak pemenang.

5.3. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kecuali atas budi bicara MyDigital ID sekiranya berlaku keadaan tidak terjangka.

5.4. MyDigital ID berhak menggantikan hadiah dengan hadiah lain bernilai sama sekiranya perlu.

6. PEMILIHAN PEMENANG, PEMAKLUMAN DAN PENGUMUMAN

6.1. Pemenang akan dipilih melalui cabutan rawak daripada penyertaan yang layak.

6.2. Cabutan bagi kesemua hadiah akan dijalankan pada 3 April 2026.

6.3. Pemenang akan dihubungi menggunakan maklumat yang diberikan semasa penyertaan, dan nama mereka akan diumumkan melalui saluran rasmi MyDigital ID dalam tempoh selewat-lewatnya dua (2) hari selepas cabutan.

6.4. (Jika Terpakai) Pemenang mesti memberikan maklum balas antara 6 April hingga 10 April, 2026, sebelum jam 5.30 petang setelah dihubungi, dan wajib hadir secara fizikal pada tarikh majlis penyampaian hadiah yang akan ditetapkan untuk menuntut hadiah mereka. Wakil yang sah adalah dibenarkan.

6.5. (Jika Terpakai) Jika pemenang gagal memberi maklum balas atau tidak hadir, hadiah akan dibatalkan dan MyDigital ID berhak memilih pemenang pengganti.

6.6. (Jika Terpakai) Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala kos perjalanan, penginapan, pengangkutan, dan apa-apa perbelanjaan peribadi lain yang berkaitan untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah. MyDigital ID tidak akan menanggung atau membuat bayaran balik bagi sebarang kos tersebut.

6.7. Senarai hadiah berserta perincian hadiah adalah seperti jadual berikut:

KLASIFIKASI HADIAH	PERINCIAN HADIAH
Hadiah Tempat Pertama	• Pakej Percutian: Kota Kinabalu (KK) – Kundasang, Sabah • Untuk: Dua (2) orang • Tempoh: Enam (6) hari lima (5) malam • Tajaan: Tiket penerbangan pergi dan balik (tidak termasuk kos pengangkutan pergi dan balik ke lapangan terbang), pengangkutan di lokasi percutian, penginapan dan makan minum menerusi khidmat agen percutian yang dilantik oleh pihak MyDigital ID.
Hadiah Tempat Kedua	• Pakej Percutian: Pulau Langkawi, Kedah • Untuk: Dua (2) orang • Tempoh: Empat (4) hari tiga (3) malam. • Tajaan: Tiket penerbagan pergi dan balik (tidak termasuk kos pengangkutan pergi dan balik ke lapangan terbang), pengangkutan di lokasi percutian, penginapan dan makan minum menerusi khidmat agen percutian yang dilantik oleh pihak MyDigital ID
Hadiah Tempat Ketiga	• Pakej Percutian: Pulau Redang, Terengganu • Untuk: Dua (2) orang • Tempoh: Tiga (3) hari dua (2) malam • Tajaan: Pengangkutan dua hala dari jeti ke pulau dan dari pulau ke jeti (tidak termasuk kos

	pengangkutan pergi dan balik ke jeti), penginapan dan makan minum menerusi khidmat agen percutian yang dilantik oleh pihak MyDigital ID
--	---

6.8. Keputusan MyDigital ID adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

7. DATA DAN PRIVASI

7.1. Hanya maklumat yang diberikan untuk tujuan penyertaan peraduan akan digunakan.

7.2. MyDigital ID tidak menyimpan atau menjejak aktiviti peribadi peserta selain daripada apa yang diperlukan untuk tujuan pengesahan penyertaan.

7.3. Data peserta akan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010.

8. PEMBATALAN PENYERTAAN

8.1. Penyertaan yang tidak lengkap, palsu atau melanggar Terma dan Syarat peraduan akan dibatalkan.

8.2. Peserta yang didapati cuba memanipulasi atau menipu peraduan akan disekat dan boleh dilaporkan jika perlu.

9. SYARAT AM

9.1. Dengan menyertai peraduan ini, peserta dianggap bersetuju dengan semua Terma dan Syarat yang ditetapkan.

9.2. MyDigital ID berhak mengubah, menangguhkan atau membatalkan peraduan pada bila-bila masa tanpa notis awal sekiranya berlaku keadaan luar jangka.

9.3. MyDigital ID tidak bertanggungjawab terhadap masalah teknikal, gangguan internet atau isu lain di luar kawalan yang menjejaskan penyertaan.

9.4. MyDigital ID berhak membatalkan penyertaan yang tidak lengkap, palsu atau tidak mematuhi Terma dan Syarat.

9.5. Dengan menerima hadiah, pemenang bersetuju bahawa nama dan gambar mereka boleh digunakan untuk tujuan publisiti tanpa bayaran tambahan, tertakluk kepada undang-undang.

10. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

Terma dan Syarat ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.